

IPTS perlu utama kualiti: Abdullah

Oleh Kamaliza Kamaruddin

NILAI, Khamis – Institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) perlu menyediakan sistem pendidikan berkualiti bagi membolehkan negara menjadi pusat pendidikan tinggi terulung rantau ini, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini selaras matlamat kerajaan melahirkan pelajar berkualiti dan mampu bersaing dengan pelajar di negara maju kerana mereka bakal menjadi pemimpin negara pada masa depan.

Katanya, IPTS juga perlu menyediakan persekitaran selesa selain tenaga pengajar berpengalaman bagi memudahkan proses pembelajaran.

"Kerajaan Pusat sudah memperuntukkan RM22.66 bilion bagi memajukan sistem pendidikan dan latihan dalam Rancangan

Matlamat kerajaan melahirkan pelajar berkualiti dan mampu bersaing dengan pelajar di negara maju kerana mereka bakal menjadi pemimpin negara pada masa depan

Malaysia Kelapan (RM-8).

"Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, kerajaan sangat memerlukan ramai tenaga mahir dan pakar dalam pelbagai bidang yang mana sebahagian besar mereka sekarang adalah penuntut IPTS," katanya.

Beliau berucap ketika merasmikan Kolej Inti Malaysia di sini, hari ini. Teks ucapannya dibacakan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Hadir sama, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Pengerusi Yayasan Amal Inti, Teng-

ku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail, Lembaga Pengerusi Pengelola, Tan Sri Abdul Majid Ismail dan Presiden Kolej Inti, Tan Yew Sing.

Kolej Inti Malaysia ditubuhkan pada 1998 mempunyai seramai 5,700 pelajar.

Setakat ini, Kolej Inti sudah mempunyai lima cawangan kampus di seluruh negara iaitu di Nilai, Subang Jaya, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang, manakala tiga kampus antara-bangsa di China, Thailand dan Indonesia.

Abdullah berkata, beliau berpuas hati dengan pres-

tasi yang dicapai Kolej Inti selama 15 tahun terbabit dalam sistem pendidikan tinggi di negara ini.

Katanya, jika semua IPTS dapat mencontohi prestasi Kolej Inti, pasti Malaysia akan menjadi tumpuan pelajar dari seluruh dunia untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Sehingga kini, kira-kira 15,000 pelajar dari seluruh dunia melanjutkan pelajaran mereka di IPTS negara ini.

Pada majlis itu, Kolej Inti turut menyumbangkan RM20,000 kepada Tabung Dewan Tuanku Caunselor (DTC) Universiti Malaya (UM) yang musnah dalam kebakaran akhir Jun lalu.

Cek itu disampaikan Tengku Ahmad Rithauddeen kepada Azmi.

Abdul Majid berkata, sumbangan itu adalah tanda keprihatinan warga kolej itu terhadap bencana yang menimpa warga UM.

Sementara itu, beliau



ABDULLAH bersalam dengan seorang peserta yang hadir pada perjumpaan mufti dan ketua majlis agaserta ketua hakim syarie negeri dengan beliau di Putrajaya semalam. – Gambar Bernama

berkata, Kolej Inti akan mengekalkan pencapaian sebagai IPTS yang sentiasa menyediakan sistem pendidikan berkualiti kepada pelajarannya.

Katanya, Kolej Inti sudah menetapkan matlamat untuk muncul sebagai se-

buah IPTS berprestij dan terulung dalam melahirkan pelajar cemerlang dan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang, terutama teknologi maklumat (IT).

"Kolej Inti juga menyediakan pelbagai kemudahan seperti Internet di as-

rama, kemudahan rekreasi dan sukan, tenaga pengajar berpengalaman serta sukatan pelajaran yang berkualiti bagi memastikan mereka dapat menjalani proses pembelajaran dengan berkesan," katanya.

Abdul Majid berkata sistem pendidikan yang disediakan kolej itu sudah diiktiraf apabila tiga cawangan kampus kolej menerima status Koris Raya Multimedia (MS) daripada Kementerian Pendidikan tahun lalu.